



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7264 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

11 Jun 2026

KENYATAAN MEDIA YB PENGERUSI PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia hari ini telah mengadakan satu lawatan kerja di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lawatan ini merupakan pelanjutan daripada siri prosiding komprehensif yang telah dimulakan oleh PAC sebelum ini berhubung Pengurusan Lapangan Terbang Awam di bawah Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Malaysia Airports Holdings Berhad.
2. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meneliti secara dekat prestasi operasi semasa di KLIA, di samping menilai secara fizikal perkembangan pelan transformasi serta pelaksanaan projek pembangunan aset berkeutamaan tinggi—khususnya projek *aerotrains* dan sistem pengendalian bagasi (BHS).
3. PAC memandang serius siri-siri gangguan perkhidmatan yang berlaku kebelakangan ini yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan imej negara di mata pelancong dan pelabur asing. Langkah intervensi dan tinjauan ini amat penting bagi mendapatkan gambaran sebenar dan mengenal tindakan pembaikan oleh MAHB berhubung perkara ini.
4. Sebelum tinjauan fizikal bermula, PAC telah diberikan taklimat terperinci oleh pihak pengurusan MAHB mengenai pelan hala tuju serta status kemajuan projek-projek berimpak tinggi terbabit.
5. Bagi memastikan maklumat yang diterima adalah tepat, PAC dibawa meninjau sendiri tapak projek bagi melihat kemajuan kerja struktur kritikal seperti BHS yang sedang dilaksanakan di KLIA, selain meneliti penambahbaikan estetik terhadap *facade* dan rupa fizikal terminal berkenaan.

6. PAC menegaskan bahawa setiap pelan transformasi yang dirancang oleh MAHB mestilah diterjemahkan secara tuntas kepada peningkatan mutu perkhidmatan rangkaian di lapangan terbang. Oleh yang demikian, jawatankuasa ini turut memberi fokus terhadap aspek pengurusan aliran penumpang. PAC telah memantau secara langsung urusan pengoperasian harian dan fasiliti-fasiliti yang baharu dan yang telah dinaik taraf, demi memastikan usaha meremajakan KLIA benar-benar mampu meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelanggan secara optimum.
7. PAC mengambil maklum bahawa inisiatif pemulihan dan agenda merejuvinasikan lapangan terbang negara ini bukan sahaja kritikal bagi meningkatkan keselesaan pengguna, malah ia merupakan persediaan strategik dalam menyambut tetamu negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 dan temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) 2027.
8. Delegasi PAC dalam lawatan kerja hari ini turut dianggotai oleh barisan Ex-Officio jawatankuasa yang terdiri daripada wakil MOF, Kementerian Ekonomi (KE), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), serta Penasihat Undang-undang Parlimen yang mewakili Jabatan Peguam Negara (AGC).
9. PAC kini dalam dalam fasa akhir memuktamadkan penyata berhubung isu ini dan lawatan kerja ini membantu jawatankuasa ini dalam menyediakan penyata yang lebih telus, komprehensif dan menyeluruh. Sehubungan itu, penyata berkenaan dijangka akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi Sidang Mesyuarat Kedua tahun ini.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen